

# 'Najib Tok Dalang skandal kewangan'

Kepentingan langsung bekas PM disamakan individu gagal dijejaki pihak berkuasa

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi diberitahu, berdasarkan tindak tanduk Datuk Seri Najib Razak dalam urusan berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), beliau sememangnya mempunyai kepentingan langsung dalam syarikat pelaburan strategik negara itu.

Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib, menghujahkan kepentingan langsung Najib dalam 1MDB disamakan dengan individu yang sehingga kini gagal dijejaki pihak berkuasa dan watak yang boleh dipersoal.

Ahmad Akram berhujah, bagaimanapun fakta menunjukkan Najib dan proksinya 'menarik tali' dengan menggu-

nakan pengaruh untuk mendapatkan kelebihan di sebalik tirai 1MDB.

"Jelas sekali, tertuduh (Najib) ialah Tok Dalang itu. Mengapa kerajaan begitu berminat dan berusaha sedaya upaya untuk membantu 1MDB dalam semua permohonan pinjaman dan penerbitan bon. Akhirnya hanya boleh dijawab dengan melihat siapa pembuat keputusan di Kementerian Kewangan dan juga Perdana Menteri, iaitu tertuduh.

"Tingkah laku tertuduh se-



Najib hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aiman Hariz Azhar/BH)

panjang masa material jelas ditunjukkan dia telah menyalahgunakan kedudukan untuk kepentingan kewangannya sendiri atau kelebihan lain, dan dalam kes ini dari segi kewangan. Daripada kronologi kejadian, dapat dilihat syarikat itu digerakkan oleh tertuduh," hujahnya

di depan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Collin Lawrence Sequerah, semalam.

## Pengawal muktamad 1MDB

Ahmad Akram berhujah, Najib yang berjaya menubuhkan 1MDB, meletakkan dirinya sebagai pengawal muktamad 1MDB apabila Artikel 68, 93 dan 117 Memorandum dan Artikel (M&A) 1MDB dipinda pada 11 Ogos 2009.

Beliau berkata, ini menjadikan tertuduh sebagai kuasa muktamad dalam melantik dan menyingkirkan pengarah dan bagi kelulusan berkaitan mana-mana pelaburan besar, yang membolehkannya melaksanakan kawalan ke atas 1MDB.

Katanya, kuasa 'melantik dan menyingkirkan' yang diberikan oleh perlembagaan 1MDB kepada Najib mempunyai kesan menjadikan tertuduh selaku pembuat keputusan muktamad dalam syarikat pelaburan itu.

"Tiada (keputusan) penting yang boleh diputuskan oleh 1MDB tanpa input dan kelulu-

san daripada tertuduh, tidak ada.

"Keseluruhan episod itu ialah skim yang difikirkan dengan sebaiknya oleh tertuduh yang memerlukan pertimbangan awal di pihaknya untuk melakukan perbuatan rasuah, dengan kepuasan kewangan yang paling utama dalam fikirannya," katanya.

Ahmad Akram berkata, demikian dalam hujahan di akhir kes pendakwaan membabitkan kes penyelewengan dana 1MDB berjumlah RM2.3 bilion yang dihadapi Najib.

Najib menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB di cawangan Am-Islamic Bank Berhad di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur, di antara 24 Februari 2011 dan 19 Disember 2014.

Beliau turut berdepan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama di bank sama antara 22 Mac 2013 dan 30 Ogos 2013.



Datin Seri Rosmah Mansor berada di mahkamah bagi mengikuti perkembangan kes 1MDB, semalam.